SEJARAH TINGKATAN 4

**SOALAN DAN JAWAPAN**

**BAB 10 : DASAR BRITISH DAN KESANNYA**

**TERHADAP EKONOMI NEGARA**

**Tajuk : Ekonomi Tradisional**

***Soalan Struktur***

**Kedatangan British ke Tanah Melayu pada abad ke-19 telah mengubah ekonomi Tanah Melayu dari kegiatan ekonomi tradisional yang dijalankan oleh masyarakat Melayu kepada bentuk dwiekonomi.**

**(a) Apakah maksud dwiekonomi ?**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 246 – 247)***

Dwiekonomi bermaksud wujudnya dua bentuk ekonomi secara serentak iaitu ekonomi bercorak sara diri dan ekonomi dagangan.

**[2 markah]**

**(b) Berikan tiga ciri ekonomi tradisional di Tanah Melayu.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 244 – 246)***

- Bersifat sara diri
- Dalam skala kecil
- Menggunakan teknologi mudah / rendah
- Penggunaan buruh yang sedikit
- Pasaran yang kecil
- Lebihan pengeluaran digunakan semula
- Lebihan pengeluaran disimpan
- Menggunakan modal yang sedikit
- Tiada pengkhususan pekerjaan

**[9 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(c) Sebutkan kegiatan ekonomi tradisional yang dijalankan oleh masyarakat Melayu.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 246 – 247)***

- Menanam padi
- Menanam tanaman sampingan
- Menternak binatang
- Menangkap ikan
- Mendulang / mencari bijih
- Mengumpul hasil hutan

**[5 x 1m = Mak. 2 markah]**

**(d) Nyatakan kesan-kesan daripada wujudnya dwiekonomi di Tanah Melayu.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 247)***

- Industri perlombongan meningkat
- Penekanan terhadap pertanian komersil
- Ekonomi dikuasai oleh pemodal Eropah.
- Orang Melayu kekal dalam ekonomi sara diri.
- Pembangunan tidak seimbang antara negeri di pantai barat dengan negeri pantai timur Tanah Melayu
- Taraf hidup tidak seimbang antara penduduk luar bandar dengan bandar.
- Kemasukan buruh asing.

**[7 x 1m = Mak. 3 markah]**

**Tajuk : Perusahaan Getah**

***Soalan Esei***

**Pihak British telah memperkenalkan tanaman getah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 tetapi penglibatan orang Melayu dalam penanaman getah akhirnya menimbulkan kebimbangan kepada kerajaan penjajah British.**

**(a) Huraikan faktor-faktor yang mendorong perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu ?**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima ms. 247 – 250)***

**Revolusi** - Revolusi Perindustrian di Eropah membawa permintaan yang tinggi terhadap getah

**Pameran** - H.N.Ridley mengadakan pameran untuk meyakinkan peladang menanam getah.

**Agih** - Beliau mengagihkan benih getah secara percuma.

**Ibidem** - Berjaya menemui teknik torehan ibidem (tulang ikan kering).

**Modal** - Kemasukan modal asing milik pelabur Eropah.

**Syarikat** - Syarikat Eropah menubuhkan syarikat perwakilannya di Tanah Melayu untuk membuka ladang getah.

**Galakan** - Dasar British memberi galakan kepada pemodal asing untuk memperluaskan penanaman getah.

**Sewa** - Menyediakan kadar sewa tanah dan tarif yang rendah kepada peladang yang ingin menanam getah.

**Dividen** - Memberi dividen yang tinggi dan pengecualian cukai eksport kepada syarikat pengusaha getah.

**Infrastruktur** - Pembinaan infrastruktur untuk menghubungkan kawasan ladang dengan pelabuhan dan pusat pentadbiran.

**Buruh** - Membawa masuk buruh dari India untuk mengatasi masalah kekurangan buruh.

**[11 x 2m = Mak. 12 markah]**

**(b) Terangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan British di Tanah Melayu untuk menyekat penyertaan orang Melayu dalam penanaman getah.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 261 – 262)***

**Akta** - Meluluskan Akta Tanah Simpanan Melayu yang melarang penanaman getah dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu

**Enakmen** - Meluluskan Enakmen Tanah Padi melarang penanaman getah di atas tanah padi

**Premium** - Premium permohonan tanah baru untuk tujuan penanaman getah dinaikkan

**Buka** - Pembukaan tanah baru untuk penanaman getah dilarang

**Stevenson -** Rancangan Sekatan Stevenson menghadkan pengeluaran getah oleh pekebun kecil

**RPGA** - Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa menetapkan kuota yang lebih rendah kepada pekebun kecil

**Bantuan** - Bantuan teknikal dan insentif kewangan tidak ditawarkan kepada pekebun kecil

**[7 x 2m = Mak. 8 markah]**

**Tajuk : Penggunaan Tenaga Buruh Luar**

***Soalan Struktur***

**Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh tempatan akibat kepesatan pembangunan sektor pertanian dan perlombongan, pihak British telah membawa masuk tenaga buruh dari luar untuk memenuhi keperluan aktiviti ekonomi di Tanah Melayu.**

**(a) Apakah faktor-faktor yang mendorong buruh dari Cina dan India datang ke Tanah Melayu ?**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 253)***

- Galakan kerajaan British
- Penghijrahan mereka tidak ditentang oleh orang Melayu
- Wujud hubungan tradisi antara India dengan Tanah Melayu
- Kepesatan ekonomi Tanah Melayu
- Kestabilan politik

**[5 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(b) Sebutkan cara kemasukan buruh-buruh tersebut ke Tanah Melayu.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 253-255)***

**Buruh dari Cina**

- Sistem tiket kredit
- Sistem pengambilan kakitangan
- Sistem pengambilan rumah kongsi

**[3 x 1m = Mak. 2 markah]**

**Buruh dari India**

- Sistem buruh bebas
- Sistem kontrak
- Sistem kangani

**[3 x 1m = Mak. 2 markah]**

**(c) Nyatakan kesan-kesan daripada peningkatan jumlah kemasukan imigran tersebut.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 264)***

**-** Pembentukan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu

- Wujud petempatan yang berbeza-beza mengikut kaum
- Jenis pekerjaan yang berbeza mengikut kaum
- Penggunaan bahasa yang berbeza dalam pertuturan
- Tidak terdapat interaksi antara kaum
- Tidak ada perpaduan antara kaum

**[6 x 1m = Mak. 3 markah]**

**Tajuk : Penggunaan Tenaga Buruh Luar**

***Soalan Esei***

**(a) Huraikan cara kemasukan buruh dari Cina dan India ke Tanah Melayu pada abad ke-19.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 252 – 255)***

***(i) Kemasukan buruh Cina***

**Kredit** - Melalui sistem tiket kredit, bakal imigran dikumpulkan oleh *kheh-tau* (ketua).

**Nakhoda** - Imigran (*sin kheh*) ini diletakkan di bawah pengawasan nakhoda kapal atau agensi buruh yang dibayar oleh majikan.

**Perjanjian** - Golongan sin kheh perlu membuat perjanjian untuk menjelaskan hutang mereka secara bekerja dengan majikan untuk tempoh tertentu.

**Tiket** - Mereka dibekalkan dengan tiket ke pelabuhan yang dituju.

**Pemborong** - Tiba di pelabuhan, mereka diambil oleh pemborong buruh yang akan mendapatkan majikan untuk mereka.

**Kakitangan** - Melalui sistem pengambilan kakitangan, majikan yang memerlukan buruh akan menghantar pegawainya ke China untuk mendapatkan buruh.

**Perbelanjaan** - Segala perbelanjaan dan tambang dibiayai oleh majikan.

**Iring** - Pegawai yang dihantar mengiringi buruh tersebut hingga mereka sampai ke tempat majikan.

**Kongsi** - Di bawah sistem pengambilan rumah kongsi, pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di negara China yang dilantik oleh sesebuah rumah kongsi.

**Biayai** - Pegawai tersebut membiayai perbelanjaan buruh sehingga mereka sampai di rumah kongsi.

***(ii) Kemasukan buruh India***

**Bebas** - Buruh India memasuki Tanah Melayu melalui sistem buruh bebas iaitu datang sendiri dengan biayaan masing-masing.

**Kontrak** - Melalui sistem kontrak, majikan akan membiayai tambang mereka ke Tanah Melayu.

**Bekerja** - Buruh akan bekerja dengan majikan untuk jangka masa tertentu dengan bayaran minimum.

**Kangani** - Melalui sistem kangani, seseorang kangani / tandil / ketua / mandur diberi lesen dan dihantar pulang ke India untuk mencari tenaga buruh.

**Wang** - Kangani diberi wang untuk perbelanjaan buruh ke Tanah Melayu.

**[15 x 2m = Mak. 12 markah]**

**(b) Nyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk mengawal wabak penyakit di Tanah Melayu pada penghujumg abad ke-19 hingga awal abad ke-20.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 269)***

**Hospital** - Menubuhkan hospital kerajaan di Kuala Lumpur dan Taiping.

**Pusat** - Membina pusat kesihatan kecil

**Perseorangan** - Membina hospital atas sumbangan orang perseorangan seperti Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur.

**Institut** - Mendirikan Institut Penyelidikan Perubatan pada tahun 1900.

**Kaji** - Institut ini membuat kajian punca penyakit dan langkah mencegah.

**Kebersihan** - Menitikberatkan kebersihan dan kesihatan di bandar-bandar.

**Sanitary** - Menubuhkan Sanitary Board untuk menjaga kebersihan bandar Kuala Lumpur dan bandar- bandar di Perak.

**Jabatan** - Menubuhkan Jabatan Kesihatan untuk mengambil alih tugas Sanitary Board menjaga kesihatan.

**[8 x 2m = Mak. 8 markah]**

**Tajuk : Pembandaran**

**Soalan Esei**

**(a) Huraikan proses perkembangan bandar-bandar baru di Tanah Melayu pada abad ke-19.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 263 – 264)***

**Sumber** - Perkembangan pesat ekonomi di kawasan yang kaya dengan sumber semula jadi menyebabkan berlakunya proses pembandaran.

**Perlombongan** - Pekan berhampiran kawasan perlombongan menjadi pusat mengumpul hasil lombong.

**Penduduk** - Pekan ini mengalami pertambahan penduduk.

**Keperluan** - Pekan ini berfungsi menyediakan keperluan harian kepada pelombong-pelombong.

**Pentadbiran** - Pekan ini berkembang menjadi bandar yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran.

**Infrastruktur** - Bandar-bandar baru yang muncul dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur.

**Pengangkutan** - Perkembangan sistem pengangkutan turut mempengaruhi kewujudan bandar-bandar baru.

**Kedudukan** - Kedudukan bandar yang strategik membolehkannya menjadi penghubung kepada beberapa buah bandar dan kawasan lain.

**Pertanian** - Pertanian komersil mempengaruhi perkembangan bandar baru.

**Pelabuhan** - Produk getah dan bijih timah menjadikan bandar muncul sebagai bandar pelabuhan.

**Pembangunan** - Pembangunan oleh kerajaan British di kawasan tertentu menyebabkan banyak bandar muncul di pantai Barat Tanah Melayu.

**[11 x 2m = Mak. 10 markah]**

**(b) Huraikan perkembangan sistem perhubungan jalan raya dan jalan kereta api di Tanah Melayu sehingga awal abad ke-20.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 267 – 269)***

***i. Jalan Kereta Api***

**Pertama** - Jalan kereta api yang pertama dibina menghubungkan Taiping dengan Port Weld pada 1885.

**Lain** - Jalan kereta api yang lain turut dibina untuk menghubungkan kawasan perlombongan dengan pelabuhan. Contohnya Kuala Lumpur – Port Swettenham (1889), Seremban – Port Dickson (1891) dan Ipoh – Telok Anson (1895)

**Semua** - Menjelang 1904, semua kawasan perlombongan mempunyai perkhidmatan kereta api.

**Siam** - Jalan kereta api menghubungkan Seberang Perai dengan sempadan Siam siap pada 1918.

**Gemas** - 1931 jalan kereta api menghubungkan Gemas, Pahang dan Kelantan ke Siam siap dibina.

**Singapura** - Menjelang tahun 1923, jalan kereta api di Tanah Melayu disambung hingga ke Singapura.

***ii. Jalan Raya***

**Denai** - Jalan denai dan jalan kereta lembu digantikan dengan jalan raya.

**Selangor** - Menjelang 1895, Selangor dan Perak mempunyai rangkaian jalan raya sepanjang 2 400 km.

**Perai** - Pada tahun 1911 jalan raya dari Seberang Perai ke Melaka disiapkan.

**Perlis** - Antara 1911 hingga 1928 jalan raya menghubungkan Perlis dengan Singapura disiapkan.

**Hubung** - Jalan raya antara Kuala Lumpur dengan Kuantan dibuka untuk memudahkan perhubungan negeri-negeri di pantai Barat dengan pantai Timur Tanah Melayu.

**[11 x 2m = Mak. 10 markah**